

Segera atasi masalah banjir

MELAKA - "Jangan tangguh lagi, semua kerja perlu dimulakan segera."

Demikian tegas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam mengenai langkah menangani banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Bukit Katil di sini.

Menurutnya, masalah yang menyumbang kepada kejadian banjir kilat telah dikenalpasti dan kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja secepat mungkin.

"Saya telah mengarahkan kontraktor agar membesarkan longkang yang didapati sempit.

"Selain itu, kerajaan negeri akan membina sebuah kolam tebatan banjir di sini," katanya selepas melawat kawasan yang dilanda banjir di situ semalam.

Jelasnya, projek kolam tebatan yang akan dibina di atas tanah seluas lima ekar itu sepatutnya dilakukan Majlis Bandaraya Melaka

Bersejarah (MBMB).

"Disebabkan keadaan sudah meruncing dan menyusahkan rakyat, kerajaan negeri akan mengambil alih projek tersebut," ujarnya.

Namun begitu, beliau enggan memberitahu kos pembinaan kolam tersebut.

Dalam pada itu, Mohd. Ali memberitahu, akan meminta peruntukan daripada kerajaan pusat untuk menangani masalah banjir kilat di Melaka.

"Kita ada minta RM70 juta kepada Kerajaan Pusat dahulu, namun tidak diluluskan.

"Setelah apa yang berlaku semalam (kelmarin), kita akan minta semula," jelasnya.

Kelmarin, beberapa kawasan di Melaka seperti Batu Berendam, Malim dan Bukit Katil dilanda banjir kilat selepas hujan lebat selama empat jam yang bermula kira-kira pukul 4 petang.